

Headline	Lupakan hasrat ke Tanah Suci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	58	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOOR AZLIDA ALIMIN	AdValue	RM 3,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,980



# Lupakan hasrat ke Tanah Suci

Suami isteri terpaksa guna wang simpanan Tabung Haji untuk keperluan anak sulung yang sakit

■ NOOR AZLIDA ALIMIN

**RANTAU PANJANG** – "Biarlah tak ke Mekah buat masa ini, asalkan anak saya sihat. Wang boleh dicari, jika diizinkan ALLAH SWT, kami pasti akan ke sana."

Itulah kata seorang ibu yang terpaksa menggunakan wang simpanan Tabung Haji demi keperluan anaknya yang sakit, Ezzat Nor Azam Abdullah Hadi, 21, di Kampung Bukit Sukai Baroh Pial, semalam.

Latipah Yusof, 49, berkata, demam panas ketika menuntut di tahun dua Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis, menyebabkan anak sulungnya koma hampir setahun.

Menurutnya, selepas mendapatkan rawatan di dua hospital, susuk tubuh anaknya semakin susut sehingga menampakkan tulang.

Katanya, kuman dalam darah mula menjangkiti otak Ezzat Nor Azam sehingga menyebabkannya tidak mampu bertindak balas terhadap sebarang rangsangan.

"Dalam keadaan anak macam itu, pihak hospital tak bagi anak saya dibawa balik," katanya.

Menceritakan lebih lanjut cabaran perlu

dihadapinya, Latipah berkata, paling memeritkan ketika mahu mendapatkan wang untuk membeli mesin bantuan pernafasan bernilai RM40,000.

"Semua simpanan saya dan suami termasuk dalam Tabung Haji digunakan untuk beli mesin itu.

"Itu pun masih tak cukup dan saya terpaksa mohon bantuan daripada pelbagai pihak termasuklah Badan Kebajikan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian dan Hospital Tanah Merah," katanya.

Menurutnya, setiap hari dia perlu membelanjakan RM32 sehari untuk membeli susu, manakala RM14 untuk lampin pakai buang bagi penggunaan selama dua hari.

"Tapi saya syukur sebab penduduk kampung dan saudara-mara banyak bantu ringankan beban untuk keperluan anak saya ini dan lima anak yang lain berusia 10 hingga 17 tahun," katanya.

Sehubungan itu, bagi individu yang mahu menghulurkan sumbangan, boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Rakyat atas nama Latipah Yusof (22-119-103091-3).



Latipah tetap meluangkan masa berbual dengan Ezzat Nor Azam setiap hari walaupun anaknya itu tidak mampu memberikan sebarang tindak balas.